

## Seni ukiran kayu kursus baru di TTITC

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan negeri bercadang menambah kursus latihan yang baharu, iaitu seni ukiran kayu di Pusat Latihan Industri Perakayuan Terengganu (TTITC) sebagai usaha menambah baik bidang pertukangan kayu dan pembuatan perabot negeri.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman berkata, kursus baharu itu akan berpusat di Besut sebagai kawasan yang terkenal dengan produk pembuatan ukiran kayu seperti di Desa Ukiran Kayu, Kampung Raja.

Menurutnya, TTITC akan melakukan perbincangan susulan bagi merealisasikan hasrat itu, sejajar dengan peranannya sebagai institusi kemahiran kerajaan negeri yang semakin berkembang dan menghasilkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri perakayuan negara.

"Kita berhasrat untuk menambah baik TTITC dan memainkan peranan dalam menyumbang kepada perkembangan di bidang perakayuan negara. Sebab itu, saya bercadang untuk melatih tenaga mahir dalam bidang kemahiran ukiran kayu di kawasan Besut, kerana



Ahmad Razif turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) TTITC, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Unisza.

di situ masih lagi menjadi monopoli (pusat utama) penghasilan perusahaan ukiran perakayuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penutup Pameran Perakayuan Antarabangsa Terengganu (TINTS) 2014, di Pusat Dagangan Terengganu (TTC), di sini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perusahaan, Perlindungan Dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon;

Speaker Dun, Datuk Mohd Zubir Embong dan Pengerusi TTITC merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Rozi Mamat serta Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM), Dr Jalaluddin Harun.

Sehubungan itu, TTITC turut terlibat memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

(MTIB) dan Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) bagi mereka bentuk perabot, latihan kemahiran dan pembangunan produk.

Selain itu, pusat latihan berkenaan turut memeterai MoU dengan Ardex sebagai usaha bekerjasama dalam bidang latihan kemahiran industri kayu dan pembekalan bahan buatan lantai.

Dalam pada itu, Ahmad Razif berkata, TTITC yang ditubuhkan

sejak 1997 sudah berjaya melatih 15,000 belia Terengganu di bidang pertukangan kayu serta pembuatan perabot.

"Hampir 90 peratus pelatih di TTITC dapat meneruskan kerja di bidang industri perakayuan. Malah, dengan penubuhan TTITC Production Sdn Bhd, pusat latihan itu melangkah setapak dalam sektor pembuatan perabot, di samping menumpukan kepada bidang pembangunan kemahiran.

"Saya berharap pada masa depan, lebih banyak projek kerajaan negeri dalam pembekalan perabot serta hiasan dalaman dapat diberikan kepada TTITC," katanya.

Tambah beliau, TTITC Production Sdn Bhd juga sedang mendaftar dengan MITB sebagai pengeksport kayu serta persijilan kayu bagi membolehkan syarikat itu menjadi pembekal produk kayu untuk industri pembinaan menerusi program 'Certified Timber & Credible Suppliers' yang merupakan satu program di bawah Persatuan Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia.